



## SIARAN MEDIA

### INISIATIF PEMILIKAN RUMAH DITERUSKAN MELALUI JAMINAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEHINGGA RM5 BILION

**PUTRAJAYA, 23 MAC 2023 –** Program Skim Rumah Pertamaku (SRP) telah diumumkan semasa Belanjawan 2011 yang lepas bagi membantu golongan muda untuk memiliki rumah pertama. Yuran jaminan kepada Cagamas ditanggung oleh Kerajaan dan Cagamas menyediakan jaminan supaya pembeli rumah mendapat amaun pinjaman yang lebih tinggi daripada institusi kewangan. Sepanjang tempoh pelaksanaan program SRP, sebanyak **RM19.9 billion nilai pembiayaan** telah memberi manfaat kepada **86,708 peminjam**. Namun begitu, tarikh tutup permohonan Skim Rumah Pertamaku (SRP) telah ditetapkan pada 31 Mac 2023.

Walaupun program SRP ini tidak diteruskan pada tahun 2023, Kerajaan melalui Belanjawan Madani 2023 telah bersetuju untuk meneruskan pembiayaan di bawah **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)**. Ia merupakan salah satu **Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya)** yang telah dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Kementerian Kewangan pada tahun 2022.

Dalam pengumuman Belanjawan MADANI 2023, Kerajaan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad telah bersetuju menyediakan jaminan pembiayaan melalui **Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)** sehingga **RM5 bilion nilai pinjaman** yang bakal memberi manfaat kepada **20,000 peminjam** yang memerlukan.

SJKP merupakan program yang menawarkan pembiayaan perumahan **tanpa perlu membayar wang pendahuluan** kepada **golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau kumpulan ekonomi gigi**. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak **16,808**

**peminjam** telah menerima manfaat dengan **nilai pinjaman RM2.32 bilion** daripada pelaksanaan SJKP ini. Justeru, pemohon yang tergolong dalam kumpulan sasaran yang terlibat di bawah SRP, masih boleh mendapatkan pembiayaan melalui SJKP ataupun Institusi Kewangan.

KPKT akan terus menyokong usaha membantu peminjam mencapai impian pemilikan rumah selari dengan aspirasi dan keprihatinan kerajaan demi kesejahteraan rakyat. Justeru, inisiatif ini akan membolehkan profil pembeli B40 dan M40 lebih kompetitif untuk mendapat tawaran pembiayaan rumah daripada institusi kewangan.

*#StrongerTogether  
#UnityInDiversity  
#DemiPertiwi  
#MalaysiaMADANI*

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 55551 Faks : 03-8891 55571 E-mel : [media.ukk@pkpt.gov.my](mailto:media.ukk@pkpt.gov.my)*

